

PERATURAN DAN PANDUAN PENGURUSAN DISIPLIN PELAJAR

1. PERATURAN ETIKA BERPAKAIAN

1.1 Peraturan Pakaian Ketika Sesi Akademik

BIL	PERKARA	PELAJAR LELAKI	PELAJAR PEREMPUAN
1	Baju	<ol style="list-style-type: none"> 1) Baju kemeja berkolar potongan biasa sama ada berlengan panjang atau pendek dibenarkan. Lain-lain jenis baju seperti baju T berkolar, baju T sukan atau seumpamanya dibenarkan untuk aktiviti riadah sahaja. 2) Baju T tidak berkolar tidak dibenarkan. 3) Baju hendaklah disisipkan ke dalam seluar. 4) Baju kemeja berlengan panjang hendaklah dibutangkan di pergelangan tangan dan tidak dibenarkan dilipat. 5) Pemakaian semua jenis jaket tidak dibenarkan ke kelas akademik. Baju panas [sweater] dibenarkan dalam keadaan tertentu saja. 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Pelajar hanya dibenarkan memakai baju kurung untuk ke kawasan akademik dan pentadbiran, 2) Pelajar bukan Islam digalakkan memakai baju kurung dan dibenarkan memakai blaus berlengan serta skirt labuh melebihi palas buku lali. 3) Baju dan kain hendaklah tidak ketat dan jarang.
2	Seluar	<ol style="list-style-type: none"> 1) Kain seluar slack yang dibenarkan ialah daripada jenis kain yang sesuai. Kain dari jenis Denim, PVC, 'Corduroy' atau kulit tidak dibenarkan. 2) Pemakaian semua jenis jeans dan 'cotton slack' tidak dibenarkan. 3) Fesyen seluar slack hendaklah tidak terlalu longgar [baggy], sempit dan ketat [slim fit], dan berkaki singkat tidak dibenarkan. 4) Paras kaki seluar hendaklah melepasi paras buku lali dan ukur lilit seluar adalah di antara 35CM-45CM. 	Tiada
3	Tali Pinggang	<ol style="list-style-type: none"> 1) Tali Pinggang hendaklah daripada jenis kulit atau PVC. 2) Lebar tali pinggang hendaklah di antara 2.5CM-3.0CM dan berwarna hitam atau coklat tua. Tali pinggang yang berwarna-warni dan berbelang tidak dibenarkan. 3) Kepala tali pinggang hendaklah tidak terlalu besar dan tidak mempunyai lambang yang tidak sesuai seperti lambang binatang atau tulisan yang tidak sesuai dan tidak bermoral. 	Tiada
4	Kasut dan Stoking	<ol style="list-style-type: none"> 1) Kasut hendaklah dari jenis kulit atau PVC berwarna hitam. 2) Kasut sukan, selipar, sandal, but, semi but, atau lain-lain kasut yang berwarna-warni dan bercorak tidak dibenarkan ke kawasan akademik dan pentadbiran. 3) Walau bagaimanapun kasut sukan boleh dipakai ketika kelas pendidikan jasmani. 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Kasut hendaklah jenis yang bersarung dan bukan dari jenis selipar atau sandal 2) Kasut warna hitam sahaja dibenarkan dipakai pada waktu akademik. 3) Kasut berfesyen dan berwarna-warni tidak dibenarkan.

		<p>4) Pemakaian kasut bersama stoking adalah diwajibkan. Stoking hendaklah menutupi buku lali.</p> <p>5) Warna stoking hendaklah sesuai dan tidak berbelang-belang alau berwarna-warni.</p>	<p>4) Ketinggian tumit tidak melebihi 2.5CM.</p>
5	Tali Leher	<p>1) Tali leher rasmi maktab sahaja yang dibenarkan.</p> <p>2) Tali leher hendaklah dipakai semasa upacara rasmi seperti kelas akademik, perhimpunan, majlis makan rasmi dan lain-lain.</p>	Tiada
6	Tutup Kepala	<p>1) Hanya songkok baldu berwarna hitam sahaja dibenarkan untuk tujuan rasmi dan solat Jumaat.</p> <p>2) Kopiah dan serban tidak dibenarkan kecuali untuk tujuan menunaikan solat sahaja.</p> <p>3) Topi dan cap tidak dibenarkan kecuali untuk tujuan bersukan sahaja.</p>	<p>1) Tudung hendaklah berbentuk segi tiga depan dan belakang serta dijahit di bahagian depan.</p> <p>2) Tudung dan anak tudung berwarna putih sahaja dibenarkan pada waktu akademik,</p> <p>3) Warna lain dibenarkan di luar waktu akademik.</p> <p>4) Tudung hendaklah tidak jarang dan tidak bercorak serta menutupi bahagian dada</p>
7	Pakaian Larangan	<p>Pada bila-bila masa di dalam kawasan maktab, pelajar dilarang memakai, memiliki, menyimpan pakaian seperti berikut:-</p> <p>1) Semua jenis pakaian yang ditafsirkan sebagai menjolok mata atau pakaian yang mendedahkan aurat mengikut tafsiran Islam atau pakaian ketat yang memperlihatkan bentuk anggota atau tubuh badan pemakainya atau pakaian yang ditafsirkan sebagai 'seksi' atau bertentangan nilai-nilai budaya dan moral masyarakat Malaysia.</p> <p>2) Baju atau pakaian yang ada gambar orang atau kumpulan seperti penyanyi pemimpin, ahli sukan dan sebagainya atau gambar-gambar lucu atau gambar-gambar yang bertentangan dengan akidah Islam atau bertentangan dengan nilai-nilai murni budaya maktab dan Negara.</p> <p>3) Baju atau pakaian yang bertulis dengan tulisan atau lakaran lucu ganas atau bertentangan dengan nilai-nilai murni budaya bangsa dan Negara</p> <p>4) Semua jenis Jeans, cotton slacks.</p> <p>5) Tali pinggang berkepala besar. 'rugged', berwarna-warni dengan tulisan atau lakaran atau reka bentuk binatang, lucu, ganas dan sebagainya.</p> <p>6) Tidak memakai baju, memakai baju menampakkan pusat, berkemban, memakai tuala mandi sahaja dan berkaki ayam.</p> <p>7) Memakai sebarang jenis pakaian yang dianggap tidak sesuai/ tidak wajar dipakai oleh pelajar sekolah.</p> <p>8) Memakai baju T tidak berkolar bagi pelajar lelaki</p> <p>9) Memakai baju yang menyerupai tentera, atau agensi-agensi keselamatan yang lain.</p> <p>10) Memakai pakaian yang selekeh, kotor, koyak, berbau busuk, atau bertampal.</p>	

1.2 Peraturan Pakaian Untuk Aktiviti Maktab

BIL	MASA	PELAJAR LELAKI	PELAJAR PEREMPUAN
1	Waktu Perhimpunan dan Upacara Rasmi	<ol style="list-style-type: none"> 1) Baju kemeja berlengan panjang berwarna peach dan seluar panjang berwarna coklat. 2) Berkasut kulit/ PVC, hitam bertali, berstoking hitam. 3) Memakai tanda nama. 4) Bertali leher maktab. 5) Tali pinggang berwarna gelap atau hitam coklat. Lebarnya 2.5cm-3.0cm dan berkepala kecil. 6) Songkok baldu berwarna hitam sahaja dibenarkan. 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Baju kurung berwarna Peach muda dan kain berwarna coklat. 2) Peach muda dan kain berwarna coklat. 3) Berkasut kulit/ PVC hitam bertumit tidak melebihi 2.5CM, berstoking hitam. 4) Memakai tanda nama. 5) Tudung hendaklah berbentuk segi tiga depan dan belakang serta dijahit di bahagian depan.
2	Waktu Kelas Akademik	<ol style="list-style-type: none"> 1) Baju kemeja berlengan panjang berwarna peach dan seluar panjang berwarna coklat atau baju kemeja berlengan panjang berwarna biru muda berseluar panjang berwarna biru tua. 2) Berkasut kulit/ PVC, hitam bertali, berstoking hitam. 3) Memakai tanda nama. 4) Bertali leher maktab. 5) Tali pinggang berwarna gelap atau hitam coklat. Lebarnya 2.5CM-3.0CM dan berkepala kecil. 6) Songkok berwarna hitam sahaja dibenarkan 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Baju kurung berwarna Peach muda dan kain berwarna coklat atau baju kurung berwarna biru muda dan kain berwarna biru tua. 2) kurung berwarna biru muda dan kain berwarna biru tua. 3) Berkasut kulit/ PVC hitam bertumit tidak melebihi 2.5CM, berstoking hitam. 4) Memakai tanda nama. 5) Tudung hendaklah berbentuk segi tiga depan dan belakang serta dijahit di bahagian depan.
3	Badan Uniform, Kelab Persatuan	<ol style="list-style-type: none"> 1) Pakaian yang ditetapkan oleh Badan Uniform, Kelab/ Persatuan 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Pakaian yang ditetapkan oleh Badan Uniform, Kelab/ Persatuan
4	Kelas pendidikan Jasmani & Pendidikan Kesihatan [Praktikal]	<ol style="list-style-type: none"> 1) Track Bottom berwarna hitam 2) Baju T berkolar berwarna putih. 3) Kasut sukan dan berstoking. 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Track Bottom berwarna hitam 2) Baju T berkolar berwarna putih dan berlengan panjang. 3) Kasut sukan dan berstoking.
5	Sukan & Permainan	<ol style="list-style-type: none"> 1) Seluar pendek dengan tight berwarna gelap atau track bottom berwarna gelap. 2) Baju T tanpa bercetak [plain T-Shirt] atau baju T rumah sukan. 3) Kasut yang bersesuaian dengan sukan dan permainan. 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Track bottom berwarna gelap 2) Baju T tanpa bercetak [plain T-Shirt] atau baju T rumah sukan berlengan panjang. 3) Kasut yang bersesuaian dengan sukan dan permainan. 4) dengan sukan dan permainan.
6	Aktiviti Kokurikulum	<ol style="list-style-type: none"> 1) Berpakaian mengikut pakaian Badan uniform yang dianggotai atau baju T berkolar berwarna bebas tanpa corak. 2) Kasut yang bersesuaian dengan aktiviti. 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Berpakaian mengikut Badan Beruniform yang dianggotai atau Baju Kurung berwarna bebas, berkasut yang bersesuaian dengan aktiviti. 2) Beruniform yang dianggotai atau Baju Kurung berwarna bebas, berkasut yang bersesuaian dengan aktiviti.

7	Keluar Bandar/ Pulang bermalam/ Kembali ke Maktab	1) Pakaian Batik Rasmi Maktab atau 2) Pakaian Rasmi maktab dan 3) Berkasut kulit/ PVC hitam. Berstoking hitam.	1) Baju Kurung Batik Rasmi Maktab atau 2) Pakaian Rasmi Maktab 3) dan Berkasut Kulit/ PVC hitam berstoking.
8	Berkelah	Baju T berkolar, seluar slacks/ track Bottom/ sandal bertali/ kasut, berstoking.	Baju T berlengan panjang. Track bottom/ sandal bertali berstoking.
9	Kerja luar mengikut Guru [Field work]	Pakaian sesuai yang ditetapkan oleh guru pengiring.	Pakaian sesuai yang ditetapkan oleh guru pengiring.
10	Sembahyang Jumaat	Baju Melayu lengkap berwarna putih bersamping maktab. Bersongkok hitam. Kasut/ Sandal bertali	Tiada
11	Majlis/ Jamuan Rasmi	Baju Melayu lengkap/ pakaian rasmi maktab/ batik maktab. Berkasut hitam berstoking. Pakaian yang ditetapkan oleh maktab.	Baju Kurung/ pakaian rasmi maktab/ baju batik maktab. Berkasut dan berstoking Pakaian yang ditetapkan oleh maktab
12	Kelas Persediaan [Petang]	Pakaian rasmi maktab/ baju kemeja/ baju T berkolar dan seluar slack. Berkasut dan berstoking.	Baju Kurung berwarna bebas. Berkasut dan berstoking
13	Kelas Persediaan [Malam]	1) Baju Melayu berwarna putih/ lain-lain warna yang sesuai dan berseluar slacks. 2) Kasut/ sandal bertali.	1) Baju Kurung berwarna bebas. Blaus berlengan dan skirt labuh melebihi paras lutut untuk pelajar bukan bumiputera/ bukan Islam.
14	Hari Cuti	Kemas, bersih dan tidak menjolok mata.	Kemas, bersih dan tidak menjolok mata.
15	Majlis keagamaan	Baju Melayu kemas, bersongkok serta sesuai dengan majlis.	Pakaian yang menutupi aurat dan kemas serta sesuai dengan majlis.
16	Surau	1) Baju Melayu lengkap/ Baju Melayu dengan seluar panjang slack atau 2) kain sarung/ Baju Kemeja atau Baju T berkolar dengan seluar panjang slacks/ bersongkok/ kopiah 3) Sandal bertali.	1) Baju Kurung dan memakai telekung sembahyang yang lengkap. 2) Kasut/ Sandal bertali.
17	Dewan Selera	1) Hari Persekolahan Pakaian adalah seperti ke kelas. 2) Malam/ Hujung Minggu/ Cuti Am: Baju kemeja atau baju T berkolar dengan seluar panjang slacks. 3) Kasut/ Sandal bertali.	1) Hari Persekolahan Pakaian adalah seperti ke kelas. 2) Malam/ Hujung Minggu/ Cuti Am: Baju Kurung berwarna bebas. 3) Blaus berlengan dan skirt labuh melebihi paras lutut [untuk pelajar bukan Bumiputera/ bukan Islam] 4) Kasut/ Sandal bertali.
18	Kelas Tambahan Kelas Gantian	1) Hari Persekolahan Pakaian adalah seperti ke kelas. 2) Malam/ hujung Minggu/ Cuti Am: Baju kemeja atau baju T berkolar	1) Hari Persekolahan Pakaian adalah seperti ke kelas. 2) Malam/ Hujung Minggu/ Cuti Am: Baju Kurung berwarna bebas.

		dengan seluar panjang slacks. 3) Kasut/ sandal bertali.	Blaus berlengan dan skirt labuh melebihi paras lutut [untuk pelajar bukan Bumiputera/ bukan Islam]. 3) Kasut/ Sandal bertali.
19	Pakaian Semasa Lawatan	Lawatan Rasmi: Pakaian adalah seperti ke kelas akademik atau batik maktab. Lawatan tidak rasmi: Pakaian yang mempunyai lambang maktab yang ditetapkan oleh guru pengiring.	Lawatan Rasmi: Pakaian adalah seperti ke kelas akademik atau batik maktab. Lawatan Tidak Rasmi: Pakaian yang mempunyai lambang maktab yang ditetapkan oleh guru pengiring.

1.3 Kad Pelajar

- 1) Kad Pelajar hendaklah sentiasa dipakai semasa ke kelas akademik ke Pusat Sumber Pembelajaran atau
- 2) ketika menghadiri upacara rasmi maktab.
- 3) Kad Pelajar tersebut tidak boleh ditukar dengan Kad Pelajar orang lain.
- 4) Kad Pelajar tersebut tidak boleh diubahsuai atau diconteng dan tidak boleh mempunyai nama dalam bentuk samaran.
- 5) Kad Pelajar hendaklah dipakai dengan memaparkan bahagian hadapan.
- 6) Kad Pelajar hendaklah disematkan di bahagian kiri baju pelajar
- 7) Kehilangan atau kerosakan Kad Pelajar hendaklah dilaporkan dengan segera kepada Pengetua atau Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar [TPPP].

2. RUPA DAN PENAMPILAN DIRI PELAJAR

BIL	PERKARA	PELAJAR LELAKI	PELAJAR PEREMPUAN
1	Rambut	<ol style="list-style-type: none"> 1) Rambut mestilah sentiasa pendek tidak tebal dan tidak mencecah kolar baju. 2) Rambut mestilah bersih dan disikat. 3) Membotakkan kepala tidak dibenarkan. 4) Mewarnakan rambut tidak dibenarkan. 5) Gaya rambut yang keterlaluan seperti punk, trojan, skin head, bros dan lain-lain tidak dibenarkan. 6) Menyimpan jambul melebihi aras kening dan ekor rambut tidak dibenarkan. 7) Menggunakan gel, pengeras rambut atau minyak rambut yang berbau tengik tidak dibenarkan. 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Rambut hendaklah pendek, jika panjang mestilah diikat didandan dengan riben hitam/ putih atau biru. 2) Rambut tidak boleh menutupi bahagian muka. 3) Rambut yang berfesyen dan berwarna tidak dibenarkan 4) Rambut mesti kemas dan bersih.
2	Misai, Janggut Dan Jambang	<ol style="list-style-type: none"> 1) Menyimpan misai dan janggut tidak dibenarkan. 2) Jambang atau ekor pipit yang dibenarkan adalah 2CM sahaja. 	Tiada
3	Cermin Mata Atau Kanta Lepak	<ol style="list-style-type: none"> 1) Tidak dibenarkan memakai cermin mata/ kanta lekap kecuali atas nasihat doktor. 2) Cermin mata hendaklah tidak berbingkai besar atau terlalu kecil dan berwarna atau berfesyen 	

		3) Cermin mata/ kanta lekap berwarna hanya dibenarkan setelah mendapat kebenaran doktor sahaja 4) Memakai cermin mata hitam/ gelap tidak dibenarkan.
4	Kuku	1) Menyimpan kuku panjang tidak dibenarkan. 2) Mewarnakan kuku secara moden atau tradisional tidak dibenarkan 3) Kuku hendaklah sentiasa bersih sepanjang masa.
5	Pemakaian Aksesori/ Barang Kemas	1) Memakai tangkal, azimat, aksesori dan barang kemas termasuk yang mempunyai lambang keagamaan tidak dibenarkan. 2) Bertindik, bertatu dan berinai tidak dibenarkan.
6	Muka	1) Memakai alat solek seperti gincu, celak dan lain-lain tidak dibenarkan. 2) Mencukur bulu kening atau mencabutnya tidak dibenarkan.

3. PERATURAN KELUAR KAMPUS MAKTAB

3.1 Keluar Ke Bandar

- 1) Pelajar dibenarkan keluar ke bandar Kuching sahaja.
- 2) Pelajar dibenarkan keluar dua minggu sekali mengikut giliran putera dan puteri pada hari yang ditentukan oleh pihak maktab.
- 3) Masa keluar ke bandar mulai jam 10.00 pagi hingga 5.00 petang sahaja.
- 4) Pelajar dikehendaki membuat permohonan secara online melalui sistem e-outing.
- 5) Pelajar hendaklah keluar secara berkumpulan sekurang-kurangnya 2 orang.
- 6) Pelajar digalakkan menggunakan pengangkutan awam.
- 7) Mengimbas kad pelajar di pondok pengawal.
- 8) Pelajar dikehendaki memakai pakaian outing yang telah ditetapkan [Rujuk peraturan pakaian keluar ke bandar]
- 9) Semasa keluar ke bandar pelajar tidak dibenarkan mengunjungi tempat-tempat berikut:
 - (a) Pusat permainan hiburan seperti Billiard, Pin Ball, Video Games, Cyber Cafe dan Snuker.
 - (b) Semua pusat hiburan seperti panggung wayang dan pusat karaoke
 - (c) Tempat rekreasi dan perkelahan kecuali bersama guru dan ibu, bapa/penjaga.
 - (d) Semua kelab malam, bar, disko dan seumpamanya.
- 10) Pelajar hendaklah menjaga imej dan nama baik maktab
- 11) Pelajar dikehendaki kembali ke maktab sebelum jam 5.00 petang dengan melaporkan diri di pondok pengawal dan mengimbas kad pelajar.

3.2 Pulang Bermalam

- 1) Pelajar dibenarkan pulang bermalam sebulan sekali mengikut jadual pulang bermalam yang telah ditetapkan oleh pihak maktab.
- 2) Permohonan pulang bermalam selain dari tarikh yang ditetapkan tidak dibenarkan kecuali kecemasan sahaja.
- 3) Permohonan pulang bermalam dibuat secara online melalui sistem e-outing.
- 4) Pelajar dibenarkan pulang selepas jam 2.30 petang pada hari pulang bermalam.
- 5) Pelajar hendaklah mengimbas kad pelajar di pondok pengawal.
- 6) Pelajar dikehendaki mematuhi peraturan pakaian pulang bermalam semasa pulang dan kembali ke maktab.
- 7) Pelajar hendaklah menjaga nama baik dan imej maktab ketika pulang bermalam.
- 8) Pelajar hendaklah kembali semula ke maktab sebelum jam 5.00 petang pada tarikh yang ditetapkan.
- 9) Pelajar hendaklah melaporkan diri di pondok pengawal dengan mengimbas semula kad pelajar.

- 10) Sekiranya pelajar tidak dapat kembali ke maktab pada tarikh yang ditetapkan, ibu bapa/ penjaga hendaklah memaklumkan kepada pihak maktab dengan menyatakan sebab-sebab tidak dapat kembali sebelum jam 10.00 pagi keesokan harinya.
- 11) Pelajar dilarang pulang bermalam selain daripada rumah sendiri atau waris terdekat.

3.3 Pulang Kecemasan

- 1) Ibu bapa/ penjaga hendaklah membuat permohonan pulang kecemasan dan mendapat kelulusan daripada Pengetua/ Timb Pengetua Pembangunan Pelajar/ Ketua Warden.
- 2) Ibu bapa/ penjaga / wakil hendaklah datang mengambil pelajar di maktab.
- 3) Pelajar tidak dibenarkan balik sendiri kecuali langkah-langkah keselamatan telah disempurnakan dan mendapat keizinan daripada ibu bapa/ penjaga.

3.4 Keluar Mengikut Program

Program seperti lawatan, aktiviti homeroom/ akademik/ perkhemahan/ kokurikulum dan seumpamanya.

- 1) Program telah diluluskan oleh Pengetua/ Timbalan Pengetua Kecemerlangan Akademik [TPKA]/ Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar [TPPP]/ Timbalan Pengetua Pembangunan Bakat [TPPB] [mana-mana yang berkenaan].
- 2) Surat pengesahan kelulusan, senarai peserta dan permohonan e-outing yang disahkan oleh guru penasihat/ pengiring hendaklah dikemukakan kepada warden bertugas.
- 3) Pelajar yang dikenakan tahanan dalam maktab tidak dibenarkan menyertai program.
- 4) Warden hanya memberi kebenaran pada senarai peserta sahaja melalui system e-outing.
- 5) Salinan senarai peserta program hendaklah diserahkan di pondok pengawal
- 6) Peserta hendaklah mematuhi peraturan pakaian yang telah ditetapkan berdasarkan program yang disertai.
- 7) Peserta hendaklah sentiasa menjaga imej dan nama baik maktab semasa mengikuti program yang disertai.
- 8) Peserta hendaklah mengimbas kad pelajar di pondok pengawal sebelum keluar dan mengimbas semula kad pelajar apabila balik sebelum masuk ke asrama.

3.5 Keluar Ke Klinik

3.5.1 Waktu Pejabat

- 1) Melaporkan kepada Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar [TPPP]/ Kaunselor, Pembantu Tadbir Asrama.
- 2) Mendapat rawatan di klinik/ hospital dengan dihantar oleh warden bertugas/ pemandu bertugas.
- 3) Mengimbas kad pelajar di pondok pengawal sebelum keluar dan mengimbas semula kad pelajar ketika masuk semula ke maktab.
- 4) Pelajar juga mestilah melaporkan diri semula ke pejabat setelah kembali dari klinik untuk pengesahan pemeriksaan atau mendapatkan kebenaran untuk ke sickbay atau meneruskan pembelajaran di kelas.
- 5) Masa penghantaran pelajar ke klinik/ hospital adalah pada jam 8.30 pagi dan 2.00 petang.
- 6) Jika tahap kesakitan pelajar tidak kritikal, pelajar dinasihatkan untuk menghadiri kelas formal pada sebelah pagi dan mendapatkan rawatan di klinik/ hospital pada sebelah petang.

3.5.2 Luar Waktu Pejabat

- 1) Melaporkan Kepada Warden bertugas
- 2) Mendapat rawatan di klinik/ hospital dengan dihantar oleh warden bertugas/ pemandu bertugas.
- 3) Mengimbas kad pelajar di pondok pengawal sebelum keluar dan mengimbas semula kad pelajar ketika masuk semula ke maktab.

3.6 Keluar Untuk Solat Jumaat

- 1) Pelajar hendaklah mematuhi masa pergi dan balik yang telah ditetapkan oleh pihak maktab.

- 2) Pelajar hendaklah mematuhi peraturan pakaian solat Jumaat.
- 3) Pelajar tidak dibenarkan melencong ke tempat lain kecuali ke masjid untuk solat Jumaat. Pelajar hendaklah menjaga tertib dan adab semasa di masjid.
- 4) Pelajar hendaklah pulang ke maktab setelah doa selesai dibacakan.

4. PERATURAN BERSAMA KELUARGA

- 1) Setiap ahli keluarga yang datang untuk melawat/ membawa pelajar keluar perlu menunjukkan melaporkan diri di pondok pengawal dengan menunjukkan kad pelawat.
- 2) Ibu bapa dilarang membawa keluar pelajar kecuali hari tersebut adalah hari kebenaran keluar ke bandar seperti yang dijadualkan bagi pelajar lelaki dan perempuan [Rujuk jadual outing putera/ puteri dan peraturan outing]
- 3) Sekiranya pelajar dikehendaki terlibat dengan aktiviti rasmi, pelajar dibenarkan bersama keluarga selepas aktiviti tersebut berakhir.

4.1 WAKTU MELAWAT

- 1) Waktu melawat adalah seperti berikut:

BIL	HARI	MASA
1	Sabtu	10.30 pagi - 5.00 petang
2	Ahad	10.30 pagi – 5.00 petang
3	Cuti Umum	10.30 pagi – 5.00 petang

- 2) Ibu bapa dilarang membawa keluar pelajar sekiranya ada program maktab berlangsung.
- 3) Ibu bapa dilarang membawa keluar pelajar selain dari jadual yang telah ditetapkan.
- 4) Ibu bapa juga dilarang membawa keluar sekiranya pelajar terlibat dengan hukuman penahanan outing.

5. PERATURAN KELAS PERSEDIAAN / PROGRAM GEMILANG

- 1) Pelajar wajib hadir pada waktu yang diterapkan ke kelas atau di tempat yang dibenarkan oleh pihak maktab.
- 2) Pelajar tidak dibenarkan berada di kawasan asrama pada waktu kelas persediaan.
- 3) Pelajar yang sakit hendaklah berada di sickbay dengan kebenaran warden bertugas.
- 4) Pelajar hendaklah memakai pakaian kelas persediaan yang telah ditetapkan [Rujuk peraturan pakaian ke kelas persediaan]
- 5) Aktiviti seperti jamuan, mesyuarat dan sebarang jenis perjumpaan tidak dibenarkan pada waktu kelas kecuali dengan kebenaran Ketua Warden.
- 6) Pelajar dilarang merayau-rayau, mengganggu pelajar lain dan membuat bising pada waktu kelas persediaan.
- 7) Pelajar dilarang membawa dan menggunakan radio transistor, kaset, walkman, permainan cakera padat/digital, majalah dan bahan bacaan bukan akademik ke kelas persediaan.
- 8) Pelajar tidak dibenarkan berada di bangunan akademik selepas jam 10.00 malam kecuali bersama guru dan mendapat kebenaran Pengetua/ Timbalan Pengetua atau warden.
- 9) Suis lampu dan kipas hendaklah dipadamkan sebelum meninggalkan kelas persediaan.

5.1 Waktu Kelas Persediaan

BIL	PERKARA	HARI	MASA
1	Kelas Persediaan Petang	Isnin hingga Jumaat	2.00 petang -.4.00 petang
2	Kelas Persediaan Malam	Ahad hingga Khamis	8.30 malam – 10.00 malam
3	Kelas Persediaan Pagi	Sabtu, Ahad dan Cuti Am sahaja	8.00 pagi – 10.00 pagi

Nota: Kelas Persediaan malam hanya diadakan pada malam hari persekolahan sahaja. Sekiranya keesokannya adalah hari cuti, maka kelas persediaan malam terbatal dengan sendirinya.

5.2 Waktu Program Gemilang

- 1) Jadual Program Gemilang mengikut Tingkatan akan disusun oleh Penyelaras Gemilang mengikut tingkatan.
- 2) Pelajar wajib hadir mengikut jadual yang disediakan. Sekiranya jadual program adalah pada cuti pulang bermalam, pelajar perlu mengikuti program sehingga selesai pada Jumaat sebelum pulang bermalam. Hanya dibenarkan pulang bermalam selepas Jam 4.30 petang.

6. PERATURAN DISIPLIN

6.1 Kategori Kesalahan Disiplin Pelajar

Pada bila-bila masa pelajar dilarang atau ditegah daripada melakukan atau terlibat atau membiarkan dirinya terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam apa jua perbuatan atau aktiviti yang boleh ditafsirkan atau dibuktikan sebagai kesalahan disiplin pelajar atau melanggar Tatatertib dan Peraturan Disiplin seperti yang telah ditetapkan atau diwartakan oleh pihak Maktab.

KESALAHAN KATEGORI AMAT BERAT	KESALAHAN KATEGORI BERAT	KESALAHAN KATEGORI SEDERHANA
1) Berkahwin	1) Mencederakan diri sendiri	1) Memasuki kawasan larangan
2) Kegiatan politik anti-kerajaan	2) Mengunjungi Pusat hiburan/ Rumah urut	2) Membawa masuk individu tidak berkenaan tanpa kebenaran
3) Murtad	3) Meninggalkan ibadat asas fardu ain bagi pelajar Muslim.	3) Penyalahgunaan telefon bimbit
4) Melakukan hubungan seks	4) Senjata/ Mercun / Bahan kimia	4) Penyalahgunaan Peralatan ICT/ Gadget
5) Mengandung/ Gugur kandungan/ Melahirkan anak	5) Mencuri	5) Penyalahgunaan Peralatan Elektrik/ Elektronik
6) Kegiatan pelacuran/ Gejala bohsia & bohjan	6) Ceroboh asrama	6) Kekemasan diri (Rambut berfesyen, Rupa diri)
7) Menyerupai jantina lain	7) Keluar dari kawasan maktab tanpa kebenaran	7) Biadap/ Penghinaan
8) Seks luar tabii	8) Bahan tembakau/ Shisha/ Rokok elektronik [Vape]	8) Mengintai
9) Khalwat	9) Bergaduh	9) Keingkaran
10) Bahan lucah/ Bahan ganas/ Bahan tidak bermoral	10) Pecah masuk/ Ceroboh	10) Merosakkan harta/ Vandalisme [Nilai kerosakan kurang RM50.00]
11) Minuman keras	11) Tattoo/ Tindik	11) Ponteng kelas atau aktiviti maktab
12) Judi/ Ioteri/ Pertaruhan	12) Makanan tidak halal	
13) Mengakibatkan Kematian	13) Merosakkan harta/ Vandalisme [Nilai kerosakan RM50.00 ke atas]	
14) Pukul/ Dera/ Seksa/ Buli	14) Ponteng hari persekolahan	
15) Menyebabkan Kecederaan		
16) Penyalahgunaan Dadah		
17) Rogol/ Mencabul		
18) Gangguan seksual		
19) Senjata api /Bahan peledak		
20) Cubaan membunuh diri		

21) Rompak/ Samun		
22) Ancaman/ Memeras Ugut		
23) Pertubuhan haram/ Kongsi gelap / Kumpulan aktiviti keganasan/ Ajaran sesat		
24) Mencemar imej individu lain/ imej negara/ imej MRSM atau MARA		
25) Bahan khayal/ Bahan perangsang		
26) Hasutan/ Provokasi		
27) Pemalsuan/ Tipu/ Subahat		
28) Menipu/ Tiru/ Subahat		

6.2 Dendaan Dan Hukuman Pelajar

Pihak maktab melalui tatacara pengadilan yang telah ditetapkan boleh mengenakan hukuman atau dendaan yang sesuai dan wajar ke atas seseorang pelajar yang didapati atau dibuktikan bersalah melanggar peraturan disiplin berdasarkan buku Panduan Pengurusan Disiplin pelajar Maktab Rendah Sains MARA seperti berikut:

HUKUMAN KESALAHAN DISIPILIN KATEGORI AMAT BERAT	HUKUMAN KESALAHAN DISIPILIN KATEGORI BERAT	HUKUMAN KESALAHAN DISIPILIN KATEGORI SEDERHANA
1) Laporkan kepada pihak berkuasa jika berkaitan	1) Cadangan ditamatkan pengajian dari MRSM dan	1) Gantung persekolahan tidak melebihi 1 minggu
2) Cadangan ditamatkan pengajian dari MRSM dan Gantung persekolahan tidak melebihi 2 minggu	Gantung persekolahan tidak melebihi 2 minggu	2) Rotan secara tertutup tidak melebihi 1 kali
3) Rotan secara tertutup tidak melebihi 2 kali	2) Rotan secara tertutup tidak melebihi 1 kali	3) Tahanan dalam maktab tidak melebihi 1 minggu;
4) Maklum kepada ibu bapa/ penjaga	3) Tahanan dalam maktab tidak melebihi 2 minggu;	4) Maklum kepada ibu bapa/ penjaga
5) Tandatangan surat aku janji	4) Maklum kepada ibu bapa/ penjaga	5) Tandatangan surat aku janji
6) Sesi kaunseling.	5) Tandatangan surat aku janji	6) Sesi kaunseling.
7) Bayar ganti rugi jika berkenaan	6) Sesi kaunseling.	7) Bayar ganti rugi jika berkenaan
	7) Bayar ganti rugi jika berkenaan	

* Senarai Kesalahan dan Hukuman sekiranya berlaku percanggahan akan dirujuk di dalam buku Panduan Pengurusan Disiplin pelajar Maktab Rendah Sains MARA yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendidikan Menengah MARA.